



Rujukan : UKM PUU/224/3
Tarikh : 12 Jamaldiawal 1440 Hijrah
18 Januari 2019

PEKELILING PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG BIL.1/2019

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/ KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof / Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP KAKITANGAN YANG MENGEMUKAKAN SIJIL CUTI SAKIT PALSU ATAU MEMINDA SIJIL CUTI SAKIT SERTA PELANGGARAN TATAKELAKUAN LAIN DI BAWAH AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 [AKTA 605].

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Jawatankuasa Tatatertib Universiti memandang serius terhadap sebarang pelanggaran tatakelakuan oleh kakitangan Universiti di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Sepertimana yang semua maklum bahawa setiap kakitangan perlu mengawal tingkahlaku bagi mengelakkan sebarang pelanggaran tatakelakuan sepertimana yang digariskan di bawah akta di atas. Ini bagi mengelakkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya yang mana perilaku berkenaan akan menyebabkan integriti dan kredibiliti kakitangan dipertikaikan dan seterusnya kecekapan perkhidmatan serta imej Universiti terjejas.

2. Sukacita pihak pejabat ini menarik perhatian warga Universiti bahawa terdapat kecenderungan kakitangan mengemukakan Sijil Cuti Sakit palsu atau meminda Sijil Cuti Sakit di samping kesalahan-kesalahan lain yang melanggar Peraturan-Peraturan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Perlakuan mengemukakan Sijil Cuti Sakit palsu dan meminda Sijil Cuti Sakit tersebut boleh disifatkan sebagai tidak jujur, tidak amanah dan tidak bertanggungjawab iaitu melanggar Peraturan 3 (2) (f) dan (g) Peraturan-Peraturan Tatatertib, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

3. Pelanggaran tatakelakuan berkenaan akan dikenakan tindakan tatatertib dan boleh dijatuhkan hukuman **sehingga BUANG KERJA**. Sehubungan itu, kakitangan Universiti diingatkan supaya sentiasa menjaga perilaku dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.



MS ISO 9001: 2015

Reg No. : QMS 02549

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-89215535/5179 Faksimili: +603-89214126 E-mel: muniroh@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

4. Bagi membendung isu pemalsuan dan pindaan Sijil Cuti Sakit, pejabat ini mengesyorkan supaya pihak Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof / Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan membuat pengesahan Sijil Cuti Sakit yang di kemukakan oleh kakitangan dengan pihak hospital atau klinik yang mengeluarkan Sijil Cuti Sakit berkenaan sekiranya terdapat keraguan pada sijil tersebut. Semakan secara rawak juga boleh dilakukan terhadap sijil-sijil cuti sakit yang dikemukakan menerusi kaedah-kaedah yang difikirkan wajar bagi memastikan kesahihan sijil cuti sakit yang dikemukakan bagi mengelakkan sijil cuti sakit disalahguna untuk tujuan yang tidak sewajarnya.


5. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan sepenuhnya dalam melaksanakan tindakan kawalan dan pengawasan tatatertib terhadap kakitangan di bawah seliaan masing-masing sesuai dengan Peraturan 21 Peraturan – Peraturan Tatatertib Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Tindakan segera perlu diambil oleh Ketua Jabatan sekiranya terdapat pelanggaran tatakelakuan oleh kakitangan berdasarkan **Garis Panduan Mengurus Kes Salahlaku Pegawai di Peringkat PTJ** yang telah diedarkan oleh Pejabat ini secara pekeliling kepada semua Dekan/Pengarah/Ketua/Pengetua/Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/ Kolej Kediaman bertarikh **20 Julai 2016**.

6. Kegagalan Ketua Jabatan dalam menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib atau gagal mengambil tindakan terhadap kakitangan seliaan yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan adalah disifatkan sebagai cuai dan tidak bertanggungjawab serta Ketua Jabatan boleh dikenakan tindakan tatatertib sesuai dengan Peraturan 21, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [AKTA 605].

7. Tindakan yang pantas dan tegas oleh pihak Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan diharap dapat membendung perbuatan sedemikian dan menjadi langkah pencegahan yang berkesan. Sekian kerjasama Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai dan didahului ucapan ribuan terima kasih.

'Celik Undang-Undang ke Arah Insan Berhemah'

Yang benar,



PROF. MADYA DR. SALAWATI MAT BASIR
Timbalan Penasihat Undang-Undang
(Menjalankan Tugas Penasihat Undang-Undang)
Pejabat Penasihat Undang-Undang

- s.k. > Naib Canselor
- > Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - > Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)



MS ISO 9001: 2015

Reg No. : QMS 02549

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-89215535/5179 Faksimili: +603-89214126 E-mel: muniroh@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

- > Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)

- > Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)

- > Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Mukriz (HCTM)
Pusat Perubatan UKM



MS ISO 9001: 2015

Reg No. : QMS 02549

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-89215535/5179 Faksimili: +603-89214126 E-mel: muniroh@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>